

# Wasiat

Raja-Raja Melayu



“Kami wasiatkan kepada zuriat  
keturunan kami 7 perkara yang  
manz jika kamu bersatu padu  
dan berpegang teguh kepadanya  
selama itulah kamu akan aman  
damai dan selamat sejahtera”.



**YANG DI-PERTUAN AGONG I**  
**Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong**  
**Almarhum Tuanku Abdul Rahman ibni Almarhum Tuanku Muhammad**

Memerintah dari 31 Ogos 1957 hingga 1 April 1960



**YANG DI-PERTUAN AGONG II**  
**Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong**  
**Almarhum Tuanku Hisamuddin Alam Shah**  
**ibni Almarhum Sultan Alaiaddin Sulaiman Shah**

Memerintah dari 14 April 1960 hingga 1 September 1960



**YANG DI-PERTUAN AGONG III**  
**Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong**  
**Almarhum Tuanku Syed Putra Alhaj**  
**ibni Al-Marhum Syed Hassan Jamalullail**

Memerintah dari 21 September 1960 hingga 20 September 1965



**YANG DI-PERTUAN AGONG IV**  
**Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong**  
**Almarhum Tuanku Ismail Nasiruddin Shah**  
**ibni Almarhum Sultan Zainal Abidin**

Memerintah dari 21 September 1965 hingga 20 September 1970



YANG DI-PERTUAN AGONG V  
Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong  
Al-Sultan Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim  
Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah

Memerintah dari 21 September 1970 hingga 20 September 1975



**YANG DI-PERTUAN AGONG VI**  
**Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong**  
**Almarhum Tuanku Yahya Petra ibni Almarhum Sultan Ibrahim**

Memerintah dari 21 September 1975 hingga 29 Mac 1979



**YANG DI-PERTUAN AGONG VII**  
**Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong**  
**Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ibni**  
**Almarhum Sultan Abu Bakar Ri'Ayatuddin Al-Mu'adzam Shah**

Memerintah dari 26 April 1979 hingga 25 April 1984



**YANG DI-PERTUAN AGONG VIII**  
**Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong**  
**Almarhum Sultan Iskandar ibni Almarhum Sultan Ismail.**

Memerintah dari 26 April 1984 hingga 25 April 1989



**YANG DI-PERTUAN AGONG IX**  
**Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong**  
**Sultan Azlan Muhibbuddin Shah**  
**ibni Almarhum Sultan Yusuf Izzuddin Shah Ghafarullahu-lah**

Memerintah dari 26 April 1989 hingga 25 April 1994



**YANG DI-PERTUAN AGONG X**  
**Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong**  
**Almarhum Tuanku Ja'afar ibni**  
**Almarhum Tuanku Abdul Rahman**

Memerintah dari 26 April 1994 hingga 25 April 1999



**YANG DI-PERTUAN AGONG XI**  
**Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong**  
**Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj**  
**ibni Almarhum Sultan Hisamuddin Alam Shah Alhaj**

Memerintah dari 26 April 1999 hingga 21 November 2001



**YANG DI-PERTUAN AGONG XII**  
**Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong**  
**Tuanku Syed Sirajuddin ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail**

Memerintah dari 13 Disember 2001 hingga 12 Disember 2006



**YANG DI-PERTUAN AGONG XIII**  
**Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong**  
**Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin**  
**ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah**

Memerintah dari 13 Disember 2006 hingga 12 Disember 2011



**YANG DI-PERTUAN AGONG XIV**  
**Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong**  
**Al-Sultan Almu'tasim Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim**  
**Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah**

Memerintah dari 13 Disember 2011 hingga kini

# 7 Wasiat Raja-Raja Melayu

Wasiat Raja-Raja Melayu dan Pemimpin-pemimpin yang diperbuat semasa merdeka pada tanggal 31 Ogos 1957.

*"Kami wasiatkan kepada zuriat keturunan kami 7 perkara yang mana jika kamu bersatu padu dan berpegang teguh kepadanya selama itu lah kamu akan aman damai dan selamat sejahtera".*

7 perkara itu adalah:

**Pertama :** Kami namakan dan kami panggil akan dia, bumi yang kamu pijak dan langit yang kamu junjung, **PERSEKUTUAN TANAH MELAYU** (sekarang dikenali dengan nama MALAYSIA);

**Kedua :** Kami isytiharkan dan kami simpan untuk kamu dan kami benarkan kamu isytihar dan simpan untuk anak cucu kamu, selain gunung-ganang, tasik dan hutan simpan,

**TANAH SIMPANAN MELAYU** sehingga nisbah 50%, selebihnya kamu rebutlah bersama-sama kaum lain;

**Ketiga** : Bagi menjaga kamu dan bagi melindungi anak cucu kamu serta harta hak milik kamu, kami telah tubuhkan **REJIMEN ASKAR MELAYU** selain untuk membanteras kakacauan dalam negara dan ancaman dari luar negara;

**Keempat** : Kamikekalkan dan kami jamin Kerajaan dan Kedaulatan **RAJA-RAJA MELAYU** memerintah negara ini;

**Kelima** : Kami isytiharkan **ISLAM** ialah Agama Persekutuan;

**Keenam** : Kami tetapkan bahasa kebangsaan ialah **BAHASA MELAYU**; dan

**Ketujuh** : Kami amanahkan dan kami pertanggungjawabkan kepada Raja-Raja Melayu untuk melindungi **KEDUDUKAN ISTIMEWA ORANG MELAYU** dan **KEPENTINGAN SAH KAUM-KAUM LAIN**. (Kemudian ditambah kedudukan istimewa anak negeri Sabah dan Sarawak).

## **7** Wasiat yang diterjemahkan dalam perlembagaan persekutuan

---

### **1** MALAYSIA – Perkara 1 (Nama, Negeri-negeri dan Wilayah-wilayah Persekutuan)

---

Persekutuan dinamai Malaysia pada 16 September 1963. Negeri-negerinya terdiri daripada Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak, Selangor dan Terengganu.

### **2** TANAH SIMPANAN MELAYU – Perkara 89 (Tanah Rizab Orang Melayu)

---

Mana-mana tanah di sesuatu negeri yang menjadi tanah rizab orang Melayu sebelum hari merdeka mengikut undang-undang yang ada, maka tanah itu boleh terus-menerus menjadi tanah rizab orang Melayu mengikut undang-undang itu sehingga selainnya diperuntukkan oleh Badan Perundangan Negeri dengan suatu Enakmen.

## **3 REJIMEN ASKAR MELAYU – Seksyen 16(1)**

### **Akta Angkatan Bersenjata 1972**

---

Seksyen tersebut menyatakan “Mana-mana orang boleh diambil masuk ke dalam angkatan tetap; dengan syarat bahawa hanya orang Melayu boleh diambil masuk ke dalam Askar Melayu Diraja”. Askar Melayu Diraja diilhamkan pada tahun 1902 dan ditubuhkan pada tahun 1932 di bawah Malay Regiment Ordinance. Pasukan pertama Askar Melayu Diraja terdiri daripada 23 orang dan meningkat kepada 2 batalion pada tahun 1941. Askar Melayu Diraja pernah berperang dengan tentera Jepun di Pengkalan Chepa, Kelantan dan di Singapura dalam Perang Dunia Kedua.

Angkatan Tentera Malaysia terdiri daripada tiga perkhidmatan iaitu udara, darat dan laut yang semuanya terbuka kepada semua kaum. Askar Melayu Diraja hanya satu komponen dalam pelbagai bidang ketenteraan dan berperanan mempertahankan negara dari ancaman dan pencerobohan dari luar negara tetapi tidak terlibat dalam ketenteraan awam dan keselamatan dalam negara.

## **4 RAJA-RAJA MELAYU – Perkara 32 (Kepala Utama Negara Bagi Persekutuan dan Permaisurinya)**

---

Kepala Utama Negara bagi Persekutuan digelar Yang di-Pertuan Agong yang mengambil keutamaan mengatasi segala orang dalam Persekutuan. Raja Permaisuri Agong mengambil keutamaan mengatasi segala orang lain dalam Persekutuan selepas Yang di-Pertuan Agong. Yang di-Pertuan Agong dipilih oleh Majlis Raja-Raja selama tempoh jawatan lima tahun.

## **5 ISLAM – Perkara 3 (Agama bagi Persekutuan)**

---

Islam ialah agama bagi persekutuan tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan. Raja/Sultan di setiap negeri ialah Ketua Agama Islam bagi negerinya dan bagi negeri-negeri yang tidak mempunyai Raja/Sultan, Yang di-Pertuan Agong adalah ketua Agama Islam negeri itu termasuklah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya.

## **6 BAHASA MELAYU – Perkara 152 (Bahasa Kebangsaan)**


---

Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahasa kebangsaan di Malaysia ialah Bahasa Melayu. Kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan bagaimanapun tidak menafikan kedudukan dan hak bahasa lain untuk digunakan, dipelajari dan dikembangkan sekalipun dengan menggunakan dana awam. Pindaan kepada perkara ini tidak boleh diluluskan dengan tiada perkenan Majlis Raja-Raja.

## **7 KEDUDUKAN ISTIMEWA ORANG MELAYU DAN KEPENTINGAN SAH KAUM-KAUM LAIN – Perkara 153 (Perizaban Kuota Mengenai Perkhidmatan, Permit dan Sebagainya Untuk Orang Melayu)**

---

Perlembagaan Persekutuan memberikan tanggungjawab kepada Yang di-Pertuan Agong memelihara kedudukan istimewa orang Melayu dan Bumiputera mana-mana negeri Borneo dan kepentingan-kepentingan sah kaum-kaum lain. Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan rizab kuota orang Melayu dan bumiputera dalam perkhidmatan awam, kemudahan pelajaran, permit dan lesen perniagaan.





**Diterbitkan oleh**  
**JABATAN PENERANGAN MALAYSIA**  
Bahagian Penerbitan Dasar Negara  
Tingkat 12, Kompleks Kementerian Penerangan  
Komunikasi dan Kebudayaan  
No 49, Persiaran Perdana Presint 4  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62100 Putrajaya

**Laman web :** <http://www.penerangan.gov.my>  
**E-Mel :** webmaster@inform.gov.my



B.002 (B.M.) Januari 2013 (100.)